

14/12/2001

Kerajaan terus bantu golongan termiskin

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

JITRA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan terus memberi bantuan kepada golongan termiskin walaupun ekonomi negara belum pulih sepenuhnya.

Perdana Menteri berkata, keutamaan itu adalah tanda prihatin kerajaan terhadap kebajikan rakyat walaupun tidak semua yang memerlukan bantuan dapat dikenal pasti.

Beliau berkata, kesediaan kerajaan berbuat demikian khususnya memberi bantuan RM100 kepada rakyat termiskin tanpa mengira kaum sempena Aidilfitri selaras dengan ajaran Islam yang menggalakkan umatnya menghulur bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Katanya, ketika kegawatan ekonomi dunia dengan sesetengah kerajaan menghadapi masalah membangunkan negara, kerajaan negara ini masih mampu menghulurkan bantuan kepada rakyat.

Malaysia, kata Dr Mahathir, yang tidak terkecuali daripada kegawatan dengan pertumbuhan ekonomi tidak begitu baik, turut berupaya mentadbir negara dengan sempurna serta menyediakan pelbagai kemudahan untuk rakyat, terutama yang miskin.

"Justeru, kita perlu bersyukur dengan bantuan yang diterima, kestabilan negara serta pemerintah yang prihatin dan sentiasa cuba membantu rakyat.

"Walaupun tidak semua yang dapat, ramai yang menerima bantuan," katanya ketika berucap pada majlis berbuka puasa dengan penduduk Parlimen Kubang Pasu di Masjid Al-Aqla di sini, petang ini.

Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dan Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Turut sama, Penasihat Yayasan Sinar Malaysia, Dr Noraesah Mohamad dan Timbalan Pengerusinya, Datuk Ahmad Rejal Arbee, yang juga Ketua Pengarang Kumpulan Berita Harian.

Yayasan itu menyumbangkan 364 basikal kepada pelajar miskin di Daerah Kubang Pasu yang disampaikan Dr Mahathir.

Turut memberi sumbangan ialah Badan Amal Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti), serta Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim yang menyumbangkan 500 kampil barang makanan dan Risda untuk skim sara hidup pekebun kecil getah.

Turut hadir masyarakat Islam dari selatan Thailand serta rakyat pelbagai kaum di Kubang Pasu.

Perdana Menteri turut mengulangi nasihat supaya rakyat mengekalkan keamanan bagi memastikan kerajaan dan ahli perniagaan mampu bersama memajukan rakyat serta negara.

Katanya, kerajaan mengharapkan cukai perniagaan bagi membangunkan negara manakala ahli perniagaan serta mereka yang berada memerlukan keamanan untuk terus menghulur bantuan kepada golongan miskin.

Bagi memastikan keamanan, perpaduan dan semangat, kata Perdana Menteri, persaudaraan sesama umat Islam perlu dipelihara bagi mengelak perbalahan seperti di Palestin dan Afghanistan.

Beliau juga meminta umat Islam memperkukuhkan diri dengan menguasai pelbagai ilmu dan kemahiran untuk meraih kekayaan bagi membangunkan umat.

"Jika miskin, kita akan menjadi lemah dan mudah ditindas golongan yang tidak senang dengan Islam," katanya.

(END)